

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini memberi tumpuan kepada hasil dapatan yang telah dilaporkan dalam bab 4. Secara keseluruhan ia dilihat dari perspektif keseluruhan konseptual kajian dalam kerangka huraian jawapan kepada persoalan kajian serta ditinjau dari perspektif dapatan-dapatan berkaitan yang diperolehi dari kajian-kajian lepas. Untuk paparan huraian yang lebih jelas dan menyeluruh, perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu ringkasan dapatan kajian, perbincangan dapatan kajian, beberapa implikasi kajian yang diperolehi daripada dapatan kajian serta disertakan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan berdasarkan dapatan kajian. Kemudian penyelidik membuat rumusan berdasarkan keseluruhan kajian.

#### **5.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN**

Umum mengetahui bahawa individu OKU merupakan komuniti yang perlu dibantu dan dibimbing supaya aspek nilai kehidupan komuniti ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Oleh itu, penyelidik melihat perlunya ada kajian untuk menjelaskan betapa pentingnya keperluan kepada kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU seterusnya merangka dan membangunkan sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dengan sokongan kitab Syarah Hadis 40 Tatmim al-Kafi. Penyelidik menjadikan teras ini sebagai objektif kajian selari dengan konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli seperti yang dinyatakan oleh ilmuan Islam Imam al-Ghazali (2014) dalam kitab Ihya' Ulumuddin. Beliau berkata:

الداعي إلى محض التقليد مع عزل العقل الكلية جاهل، والمكتفي بمجرد العقل عن أنوار القرآن  
والسنة مغرور. فإياك أن تكون من أحد الفريقين، وكن جامعا بين الصلين

"Seseorang yang menyeru kepada taklid semata-mata dengan mengasingkan akal (ilmu Aqli) secara keseluruhan adalah seorang yang jahil. Seseorang yang berpada dengan akal (ilmu Aqli) semata-mata pula tanpa cahaya al-Quran dan as-Sunnah (ilmu Naqli) adalah seorang yang tertipu. Berhati-hatilah daripada menjadi salah satu daripadanya.

Jadilah kamu orang yang mengintegrasikan di antara dua perkara tersebut."

Oleh yang demikian, penyelidik menjalankan kajian ini bagi membantu organisasi-organisasi mahupun individu-individu yang berkecimpung dalam dunia dakwah bagi OKU agar mereka menjadi lebih berkemahiran dalam menyampaikan dakwah Islam kepada komuniti OKU. Secara tidak langsung kajian ini dapat membantu komuniti OKU mendalami didikan agama dengan lebih baik supaya mereka dapat memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Hasil kajian menunjukkan terdapat keperluan kepada pembangunan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU untuk membentuk sukarelawan berjiwa nurani dan berhati mulia. Ini bertujuan supaya mereka dapat membimbing komuniti OKU mengamalkan ajaran-ajaran agama menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan kelainan upaya mereka.

Di samping itu, melalui objektif kajian ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada ahli akademik untuk melakukan lebih banyak lagi kajian contohnya berkaitan integrasi kemahiran terapi untuk sukarelawan dakwah bagi OKU, kemahiran menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kaedah pembelajaran komuniti OKU dan mempelbagaikan cara penyampaian ilmu agama terhadap mereka termasuklah kepada ibu bapa dan penjaga OKU. Dengan ini, komuniti OKU tidak ketinggalan dan mereka dapat menghayati serta memahami ilmu yang disampaikan sama seperti mana golongan tipikal. Hal ini juga menunjukkan bahawa komuniti OKU berpotensi menjadi pakar rujuk berkaitan isu-isu agama dan mampu mengajar semula ilmu yang mereka pelajari kepada masyarakat.

Maka **fasa analisis keperluan** dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat daripada sukarelawan dakwah bagi OKU yang berpengalaman tentang keperluan terhadap kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang akan dibangunkan dan cabaran yang dihadapi sukarelawan dalam mendekati komuniti OKU dengan pendidikan Islam termasuklah Pendidikan al-Quran dan Ibadah. Ia bertujuan supaya maklumat yang diperolehi dapat membantu penyelidik membangunkan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang berupaya menyelesaikan cabaran sedia ada yang dihadapi sukarelawan. Justeru, penyelidik melihat dengan cabaran-cabaran yang diutarakan oleh peserta kajian dapat

diselesaikan sekiranya sukarelawan mempunyai ciri-ciri yang dibangunkan dalam kajian ini. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa terdapat keperluan dalam membentuk sukarelawan yang mempunyai ciri jiwa murni dalam membimbing komuniti OKU menuju ke arah indahnyanya hidup beragama.

Seterusnya pada **fasa reka bentuk dan pembangunan**, penyelidik telah melakukan pengestrakkan elemen ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang dikaji berdasarkan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dengan berbantuan kitab Syarah Hadis 40 Tatmim al-Kafi. Proses pengestrakkan ini telah disahkan oleh dua orang pakar hadis dengan bertujuan untuk mengetahui tentang pemahaman dan nilai sebenar yang lebih mendalam terhadap elemen yang perlu disertakan dalam kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Selepas daripada itu, elemen yang telah disahkan digunapakai dalam soal selidik yang diedarkan kepada 13 peserta kajian dimana mereka ini pernah dan masih berkecimpung dalam dunia dakwah bagi OKU.

Justeru, hasil menunjukkan terdapat enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU mengikut keutamaan kesepakatan pakar iaitu (1) rohani, (2) pemikiran, (3) sikap, (4) personaliti, (5) komunikasi dan (6) kemahiran. Berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) yang digunakan, data analisis nilai *threshold*  $d(m, n)$  terhadap keenam-enam dimensi ini adalah kurang daripada 0.2. Manakala peratus persetujuan bagi keenam-enam dimensi ini melebihi 75% serta nilai  $\alpha$ -cut yang diperolehi melebihi 0.5. Oleh itu, keseluruhan elemen yang terdapat dalam keenam-enam dimensi tersebut telah mencapai konsensus kumpulan. Penyelidik berpendapat bahawa kesemua elemen ini wajar diterapkan dan diambil manfaatnya bagi membentuk sukarelawan yang berkualiti dari segi ilmiahnya dan rohaniannya agar memastikan komuniti OKU mendapat Pendidikan Islam yang lebih mudah dihayati dalam kehidupan mereka.

### **5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

#### **5.3.1 Keperluan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU**

Temu bual turut mengemukakan pandangan sukarelawan dakwah bagi OKU berkaitan keperluan merangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Dapatan menunjukkan kesemua peserta kajian mengutarakan kesepakatan terhadap keperluan kepada kerangka

ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Masing-masing berpandangan bahawa perlunya terhadap pembangunan kerangka kerana selama ini amat sedikit sukarelawan yang berkecimpung dalam dakwah bagi OKU disebabkan tidak pernah didedahkan kepada mana-mana model yang khusus untuk menjadi sebahagian daripada sukarelawan dakwah bagi OKU. Mereka hanya *trial and error* menggunakan kaedah dan teknik yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Ini kerana wujudnya perbezaan antara santunan kepada golongan tipikal dan komuniti OKU terutamanya dari aspek mendekati diri dengan al-Quran dan ibadah. Peserta kajian turut berpandangan bahawa kerangka yang dibangunkan berasaskan sumber agama seharusnya menjadi keperluan yang perlu dikaji dan dihasilkan kerana mencontohi sunnah Nabi ﷺ dalam menyantuni komuniti OKU. Oleh yang demikian, ia adalah suatu kewajipan kemanusiaan yang dituntut dalam agama dan dilaksanakan oleh setiap individu yang bergelar manusia bagi membantu saudara sesama manusia. Malah ia menyeru umat Islam untuk beramal soleh yang mana ia dituntut oleh Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 105 :

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ۝

Maksudnya : “*Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”*”

Sehubungan itu, peserta kajian menyatakan perlunya kepada pembangunan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang khusus untuk golongan sukarelawan dan menambah bilangannya supaya selari dengan bilangan komuniti OKU yang sedia ada. Berdasarkan pandangan yang telah dinyatakan oleh kesemua peserta kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan terhadap pembangunan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

### 5.3.2 Cabaran Sukarelawan Dakwah bagi OKU

Dalam pada itu, hasil dari temu bual turut menemukan cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian sebagai sukarelawan dakwah bagi OKU. Hasil analisis transkrip daripada keenam-enam peserta kajian menghasilkan enam cabaran yang dihadapi iaitu penerimaan OKU kepada usaha dakwah, gangguan privasi, komunikasi, keyakinan diri, kerjasama dengan pihak berkuasa dan pengurusan masa dan komitmen. Jelaslah bahawa peserta kajian menyatakan terdapat pelbagai penerimaan OKU kepada usaha dakwah. Umpamanya, ada OKU yang mudah menerima dakwah dan ada juga yang sedikit sukar menerima dakwah yang disampaikan atas beberapa faktor (Noornajihan et al., 2022). Kebiasaannya pada permulaan, segelintir OKU berasa janggal dan susah menerima apa yang disampaikan kerana mereka baharu hendak menyesuaikan diri dengan sukarelawan. Di samping itu, kesukaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU iaitu cabaran gangguan privasi. Antaranya adalah seperti gangguan privasi berkaitan komunikasi peribadi seperti intip dengar, e-mel, aplikasi mesej seperti WhatsApp, Facebook, Instagram dan lain-lain. Pada masa yang sama terdapat juga sukarelawan menghadapi gangguan privasi contohnya menerima panggilan ataupun pesanan ringkas daripada orang yang tidak dikenali.

Selain daripada itu, peserta kajian turut berhadapan dengan kesukaran dari segi komunikasi ketika menjalankan khidmat dakwah kepada komuniti OKU. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap kategori OKU berlainan cara komunikasinya yang memerlukan sukarelawan mempersiapkan diri dengan kemahiran yang khusus untuk menyantuni mereka. Sekiranya cara komunikasi yang digunakan kurang tepat dan tidak bersesuaian dengan kategori OKU, maka individu sukarelawan menghadapi kesukaran dalam penyampaian ilmu dengan lebih efektif (Nur Dayana Khalil et al., 2022; Siti Ramna et al., 2021; Mohd Sahrman & Fatimah Abdullah, 2020). Oleh yang demikian, sukarelawan perlu menguasai kemahiran komunikasi yang sesuai dengan kategori OKU contohnya komunikasi utama OKU Pendengaran iaitu melalui kemahiran Bahasa Isyarat, OKU Penglihatan pula melalui penguasaan kemahiran Braille, OKU Pembelajaran melalui kemahiran menyantuni mereka dan lain-lain.

Sementara itu, keyakinan dan keberanian sukarelawan juga merupakan salah satu cabaran yang ditemui dalam dapatan kajian. Terdapat individu sukarelawan dakwah

bagi OKU tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan kurang keberanian, maka hal ini akan memberi kesan kepada penyampaian tersebut yang mana tidak berlaku secara menyeluruh (Norakyairee et al., 2019). Seterusnya, sukarelawan dakwah bagi OKU juga berhadapan dengan kesukaran bekerjasama dengan pihak berkuasa. Misalnya, ketika hendak mengendalikan dan menguruskan sesuatu program masyarakat khusus untuk komuniti OKU. Kesukaran tersebut boleh menghalang usaha tersebut yang signifikan dalam memastikan ruang dan peluang mempelajari agama dapat diberikan kepada OKU (Nur Dayana Khalil et al., 2022). Selain itu juga, individu sukarelawan dakwah bagi OKU menghadapi kesukaran dari sudut pengurusan masa dan komitmen. Terdapat sukarelawan yang berhadapan dengan tugas-tugas lain seperti hal pembelajaran sekiranya sukarelawan masih bergelar seorang pelajar, tugas kerja hakiki sebagai pekerja dan lain-lain. Seperti yang diketahui umum, terlibat dengan komuniti OKU ini memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh kerana OKU perlu lebih diberi perhatian berbanding insan tipikal sementelahan keistimewaan yang ada pada mereka.

### **5.3.3 Elemen Ciri Sukarelawan Dakwah OKU Berdasarkan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi**

Berdasarkan penemuan penyelidik dalam analisis data pada fasa ini, terdapat elemen-elemen ciri sukarelawan dakwah OKU yang diestrak daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Penyelidik juga menjadikan analisis data ini sebagai menjawab persoalan kajian 3.1 iaitu *berdasarkan analisis Kitab Hadis 40 Imam Nawawi, apakah elemen yang perlu disertakan dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU*. Hasil daripada penelitian penyelidik, kaedah yang sesuai untuk digunakan menganalisis data adalah dengan menggunakan kaedah *Focus Group Discussions* (FGD). Hal ini kerana elemen-elemen yang diestrak merupakan isi kandungan daripada hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang memerlukan keterlibatan kesahan pakar hadis. Berdasarkan 42 hadis dan terjemahannya, penyelidik mendapati terdapat item-item yang dapat dikeluarkan dan seterusnya dirungkaikan kepada elemen-elemen sukarelawan untuk disahkan kesesuaiannya dengan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Oleh yang demikian, elemen-elemen yang merungkai ciri sukarelawan dakwah bagi OKU ini telah mendapat pengesahan dua orang pakar hadis yang berpengalaman dalam ilmu hadis dan huraiannya termasuk Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Maka penyelidik telah

menyenaraikan elemen-elemen tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Bab 4. Justeru sebanyak 6 dimensi utama mengikut keutamaan kesepakatan pakar iaitu (1) rohani, (2) pemikiran, (3) sikap, (4) personaliti, (5) komunikasi dan (6) kemahiran telah diestradar daripada elemen-elemen tersebut yang perlu disertakan dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Berdasarkan penilaian dan pengesahan pakar, maka elemen-elemen yang diestradar ini telah dirumuskan untuk dijadikan sebagai dasar utama dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

#### **5.3.4 Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU**

##### **i. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Rohani**

Di dalam fasa ini, pakar telah bersetuju untuk menentukan kedudukan mengikut keutamaan dengan menjadikan dimensi rohani sebagai paling utama dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Dimensi rohani hakikatnya berkaitan dengan aspek keimanan kepada Allah SWT., malaikat, rasul, hari Akhirat serta qada' dan qadar. Keimanan pula merujuk kepada situasi insan membuat pengakuan dengan lidahnya, meyakinkannya dalam hati dan menterjemahkan keimanan menerusi amalan soleh (Othman et al., 2017). Hal ini selari menurut Ahmad Fakhurrhazi dan Mahfuzoh (2014), di antara kesemua elemen yang ditekankan dalam falsafah pendidikan, dimensi rohani adalah paling utama dalam menentukan kemenjadian insan yang baik. Perkembangan rohani atau spiritual merupakan salah satu tujuan pendidikan Islam yang penting kerana terdapat unsur roh dalam diri insan (Nurul Ashidah, 2015; Asmawati & Fathiyah, 2012). Melalui penelitian penyelidik, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan dimensi rohani dalam pembentukan sukarelawan seperti yang dikaji oleh Nurul Ashidah (2015) yang menggunakan aspek nilai dalam kajian Inventori Kefungsian Sukarelawan. Dengan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa kajian-kajian sepertinya boleh ditambahbaik dengan elemen-elemen yang terdapat dalam dimensi rohani. Semestinya kesemua elemen dalam dimensi rohani memfokuskan ke arah pembentukan individu muslim yang baik dari segi akhlakannya. Justeru, keperibadian dan keimanan yang teguh perlu diiringi dengan amalan soleh dan tingkah laku yang baik.

Oleh demikian, 21 elemen iaitu bertawakkal kepada Allah SWT dalam kerja dakwah kepada OKU, menjadikan al-Quran sebagai pegangan hidup, menjaga solat fardhu, menjaga amalan wajib, memohon ampun daripada Allah SWT, menjaga niat dalam melakukan tugas, mempunyai niat yang ikhlas, menghayati rukun iman, menghayati rukun islam, mentaati perintah Allah SWT dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ketetapan Allah SWT. Elemen seterusnya adalah reda dengan semua ujian yang dihadapi sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 2 dan 3 :

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا  
وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksud: *“Patutkah manusia menyangka mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya beriman serta nyata pula apa yang diketahui-Nya mengenai orang yang berdusta.”*

Selain itu, terdapat juga elemen menjaga diri daripada melakukan perkara yang menjatuhkan maruah, menjaga batasan halal dan haram, menjauhi dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil, berserah diri kepada Allah SWT dalam segala urusan, berusaha memperbanyakkan amalan sunat, bergantung kepada Allah SWT sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah, hanya berharap pertolongan daripada Allah SWT dan mengharapkan perhatian dari Allah SWT sahaja. Kesemua elemen yang berada dalam dimensi rohani telah mencapai konsesus kumpulan. Justeru, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas wajarlah dimensi rohani dijadikan keutamaan dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU kerana ia berkait secara langsung dengan sumber pengajaran sukarelawan dakwah yang memberikan khidmatnya kepada komuniti OKU yang beragama Islam.

## ii. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Pemikiran

Mengikut kesepakatan pakar keutamaan seterusnya adalah dimensi pemikiran. Pemikiran merupakan proses dalaman mental dan ini dapat difahami melalui perlakuan

seseorang itu (Kagan & Tippins, 1991). Tahap pemikiran individu sukarelawan akan menentukan dan memainkan peranan penting dalam pendidikan yang diketengahkan terutamanya kepada komuniti OKU. Sukarelawan perlulah mempunyai pemikiran yang baik dan positif supaya dapat membentuk komuniti OKU menjadi insan yang boleh menyesuaikan diri dengan kehidupan yang serba mencabar. Menurut Naquib Al-Attas pemikiran pendidikan adalah pendidikan Islam yang dicorakkan dengan moral keagamaan dapat menjaga keseimbangan sistem pendidikan sebagaimana tersirat dalam konsep ta'dib yang menurutnya telah mencakup tentang konsep ilmu dan amal. Muaz Mohd Noor (2015) menyatakan menurut Said Nursi, pemikiran ini bergerak (berfungsi) atas dua cara, iaitulah melalui jalan kenabian, ataupun falsafah barat. Oleh itu, menurut Rasid Muhamad (2008) budaya berfikir yang benar dan tepat perlu disuburkan dalam masyarakat. Dengan cara itu pemikiran yang positif dapat dibina dan masyarakat akan terhindar daripada pelbagai gejala negatif dalam masyarakat khususnya yang berkaitan dengan pemikiran.

Justeru, terdapat 9 elemen dibawah dimensi pemikiran iaitu seorang sukarelawan dakwah OKU perlu mempunyai pemikiran bahawa orang yang paling baik ialah orang yang memberi manfaat kepada orang lain, tugas yang diberikan sebagai ibadah dan tugas yang diberikan adalah satu amanah. Elemen seterusnya adalah orang yang paling mulia ialah orang bertaqwa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ  
 إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ۝

Maksud: “Hai manusia, Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa -bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu.”

Selain itu, terdapat juga elemen kerja dakwah kepada OKU sebagai pekerjaan yang bermanfaat, berdakwah kepada OKU salah satu cara muhasabah diri, berdakwah kepada OKU salah satu cara mengenal diri sendiri, berdakwah kepada OKU adalah salah satu cabang jihad dan OKU merupakan anak syurga telah mencapai konsesus kumpulan.

Oleh itu, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas wajarlah dimensi pemikiran dijadikan salah satu daripada asas-asas dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU.

### iii. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Sikap

Seterusnya, dimensi sikap turut disepakati oleh pakar mengikut keutamaannya menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Menurut Ajzen dan Fishben (1970), sikap merupakan suatu kecenderungan secara berterusan memberikan tanggapan yang menyenangkan atau tidak menyenangkan terhadap suatu objek. Kecenderungan ini merupakan hasil pembelajaran bukan pembawaan atau keturunan. Sikap juga merujuk kepada kepercayaan atau perasaan kita terhadap seseorang individu, sesuatu objek, idea atau peristiwa. Sikap seseorang individu merupakan suatu faktor yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku. Hal ini dapat ditunjukkan melalui tingkah laku yang dipamerkan oleh seseorang individu. Maka tingkah laku baik yang dipamerkan oleh sukarelawan dakwah bagi OKU terbitnya daripada individu sukarelawan yang mempunyai sikap positif.

Rumusannya, terdapat 30 elemen dalam dimensi sikap iaitu bertanggungjawab kepada OKU dalam jajaan saya, suka menuntut ilmu, mengambil berat dalam melaksanakan amalan ibadah, berhati-hati daripada melakukan perkara yang menjatuhkan maruah diri, menyelidiki sesuatu perkara sebelum menyampaikannya dan jujur dalam banyak hal. Elemen seterusnya adalah istiqomah dalam melakukan kebaikan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf ayat 13 dan 14 :

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَفْتَمُوا فَلَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۗ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۝

Maksud: “*Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita (13). Merekalah ahli Syurga,*

*tetap kekalah mereka di dalamnya, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan (14).”*

Selain itu, terdapat juga elemen bersikap adil, berhikmah dalam berdakwah kepada OKU, memperjuangkan hak OKU, berani mencegah kemungkaran, terbuka menerima nasihat, empati terhadap komuniti OKU, berpegang kepada prinsip kesatuan dalam kepelbagaian, prihatin terhadap OKU, sabar dalam melayan karenah orang lain, bertoleransi dalam hal yang sepatutnya, mempunyai semangat persaudaraan, menutup aib OKU, bersedia menyantuni OKU, bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang betul kepada OKU, sedia menerima sesuatu arahan yang diberikan, sedia untuk berkorban tenaga untuk berdakwah kepada OKU, berusaha sedaya upaya dalam menyiapkan sesuatu tugas mengikut garis masa serta aktif memberi cadangan yang bernas. Elemen seterusnya adalah bersungguh-sungguh melakukan dakwah kepada komuniti OKU ini selari dengan hadis Rasulullah ﷺ iaitu daripada Aisyah RA, bahawa Nabi ﷺ bersabda :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Maksud: *“Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jal kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah buat secara tekun (bersungguh-sungguh).”* (HR. At-Thabrani)

Di samping itu, antara elemen yang lain adalah bersederhana dalam hal keduniaan, sedia untuk berkorban harta untuk berdakwah kepada OKU, sedia untuk berkorban masa untuk berdakwah kepada OKU dan akhir sekali berkeyakinan dalam banyak hal yang mana semua elemen ini telah mencapai konsesus kumpulan. Kesemua elemen dalam dimensi sikap ini sudah pasti memberikan gambaran yang positif dan berimpak tinggi sekiranya diamati dan diamalkan oleh para sukarelawan. Justeru, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas selayaknya dimensi sikap dijadikan salah satu daripada asas-asas dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU.

#### **iv. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Personaliti**

Dalam pada itu, dimensi seterusnya yang disepakati oleh pakar adalah dimensi personaliti. Takrifan personaliti membawa maksud satu konsep yang menggambarkan keperibadian seseorang manusia. Manakala mengikut Dictionary of Psychology (1973),

personaliti ditakrifkan sebagai hasil paduan sifat fizikal, mental, emosi, nilai dan perlakuan seseorang manusia dalam perhubungan sosialnya, sebagaimana yang dilihat oleh manusia lain. Dalam konteks kajian ini, sifat-sifat personaliti yang positif, iaitu yang baik, sesuai, berkesan dan mulia yang perlu ada pada seseorang sukarelawan. Individu sukarelawan yang sentiasa berusaha sebaik mungkin dalam memberikan khidmat dakwah kepada komuniti OKU dikatakan mempunyai “profesionaliti” yang tinggi. Oleh itu, seseorang sukarelawan itu dapat dilihat bahawa khidmat yang diberikan bukan semata-mata sebagai satu “pekerjaan” atau mengisi masa lapang tetapi sebagai satu “*profesion*”.

Oleh yang demikian, terdapat 30 elemen dalam dimensi personaliti antaranya ialah bertanggungjawab atas tugas yang diberikan, menyampaikan ajaran agama selari dengan ajaran Nabi Muhammad ﷺ, menyebarkan kebaikan, mencegah kemungkaran, beramal dengan ajaran al-Quran, mentaati syariat Nabi Muhammad ﷺ serta menjaga adab dengan Allah SWT. Elemen seterusnya adalah menjaga adab dengan ibu bapa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ ayat 23 :

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۝﴾

Maksud: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Di samping itu, terdapat juga elemen menjaga adab sesama rakan sekerja, berdakwah agar orang lain mengenal Allah SWT, berdakwah untuk mengenal Allah SWT, beradab ketika menuntut ilmu, beradab ketika menyampaikan ilmu, berperwatakan dengan seorang muslim yang baik, meninggalkan perkara yang memberi kemudaratan kepada diri, meninggalkan perkara yang memberi kemudaratan kepada

orang lain, menjaga kebersihan diri, menggalakkan OKU untuk melakukan kebaikan, menyantuni komuniti OKU, berintegriti dalam menguruskan kerja dakwah kepada OKU, berakhlak mulia dengan majikan, mengamalkan sunnah Nabi Muhammad ﷺ, menjaga maruah diri OKU, menghormati pandangan orang lain, menghormati orang lain dan menyokong kerja-kerja dakwah sukarelawan lain. Seterusnya elemen saling menasihati sesama sukarelawan selari dengan seruan Allah di dalam surah al-‘Asr ayat 3 firmanNya :

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Maksud: *“Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan serta saling menasihati untuk kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran.”*

Di dalam dimensi personaliti juga terdapat elemen melibatkan diri dalam perkara berfaedah sewaktu berdakwah kepada OKU, melibatkan diri dalam perkara berfaedah ketika di luar waktu berdakwah kepada OKU dan akhir sekali elemen memperbaiki kesilapan dengan segera. Kesemua elemen dalam dimensi personaliti ini telah mencapai konsensus kumpulan yang akan menatijahkan keperibadian sukarelawan yang baik dan mulia sekiranya diamati dan diamalkan oleh para sukarelawan (Azrina Mazlin & Balakrishnan, 2016). Justeru, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas sememangnya dimensi personaliti perlu dijadikan salah satu daripada asas-asas dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU.

#### **v. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Komunikasi**

Pakar juga telah bersetuju bahawa dimensi komunikasi perlu dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Oleh kerana dakwah kepada komuniti OKU melibatkan manusia iaitu sukarelawan dan komuniti OKU, maka dimensi komunikasi merupakan salah satu aspek penting yang perlu ada dalam diri sukarelawan. Proses sosialisasi di dalam aktiviti dakwah bagi OKU tidak akan berlaku sekiranya tidak wujud komunikasi. Komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat dan mesej, samaada lisan atau bertulis atau isyarat kepada pihak lain. Proses komunikasi dibina daripada pengalaman dan persefahaman antara kedua- dua belah pihak. Tindak balas atau reaksi yang lahir daripada proses komunikasi ini adalah berpunca daripada

pengalaman dan persefahaman yang wujud antara mereka. Dalam konteks kajian ini, komunikasi kepada komuniti OKU bergantung kepada kategori dan tahap perkembangan individu OKU itu sendiri. Seperti yang dinyatakan penyelidik sebelum ini, komunikasi OKU Pendengaran adalah menggunakan Bahasa Isyarat, komunikasi OKU Penglihatan adalah menggunakan Braille, OKU Pembelajaran adalah menggunakan kemahiran menyantuninya dan lain-lain. Sekiranya mesej yang disampaikan oleh sukarelawan dengan menggunakan kaedah komunikasi yang betul dan dapat difahami oleh OKU maka komunikasi yang berkesan akan berlaku.

Oleh itu, terdapat 7 elemen yang berada dalam dimensi komunikasi antaranya menggunakan ekspresi muka yang sesuai mengikut situasi, menggunakan bahasa badan yang sesuai mengikut situasi, berkomunikasi dengan cara yang sesuai mengikut jenis oku, bertutur dengan jelas, mengulangi isi pengajaran yang disampaikan, berkomunikasi dengan intonasi yang sesuai dan akhir sekali elemen berlemah lembut dalam pertuturan yang selari dengan hadis Rasulullah ﷺ dari ‘Aisyah RA isteri Nabi ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda :

يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعُنْفِ وَمَا لَا يُعْطِي عَلَى مَا سِوَاهُ

Maksud: *“Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut. Dia mencintai sikap lemah lembut. Allah akan memberikan pada sikap lemah lembut sesuatu yang tidak Dia berikan pada sikap yang keras dan juga akan memberikan apa-apa yang tidak diberikan pada sikap lainnya.”*

(HR. Muslim)

Kesemua elemen dalam dimensi komunikasi ini sudah pasti memberikan kesan yang baik kepada komuniti OKU dalam mendalami ajaran agama Islam sekiranya para sukarelawan mengamati dan mengamalkan elemen-elemen yang dinyatakan (Adnan et al., 2017 & Siti Muhibah, 2010). Justeru, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas sewajarnya dimensi komunikasi dijadikan salah satu daripada asas-asas dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU.

#### **vi. Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU : Dimensi Kemahiran**

Akhir sekali, dimensi yang telah disepakati oleh pakar adalah dimensi kemahiran. Dimensi ini juga merupakan salah satu aspek yang penting dalam menyantuni dan

memberikan khidmat kepada komuniti OKU. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kemahiran diertikan sebagai kecekapan atau kepandaian. Tidak dinafikan kejayaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berkait rapat dengan kemahiran dan peranan sukarelawan yang berkesan. Kemahiran asas pengajaran dan pembelajaran yang perlu dikuasai oleh sukarelawan dakwah bagi OKU meliputi penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), kemahiran pengajaran mengikut kemampuan OKU dan lain-lain. Kepentingan Pendidikan Islam merangkumi aspek pembacaan, pemahaman dan hafazan ayat al-Quran, akidah, ibadat, akhlak dan sebagainya. Penguasaan dan penghayatan keseluruhan aspek ini mampu membentuk individu OKU menjadi insan soleh apatahlagi Musleh yang boleh menyebarkan kepada komuniti mereka sendiri.

Kesimpulannya, terdapat 13 elemen yang berada dalam dimensi kemahiran antaranya bersemangat melakukan kebaikan, memimpin berlandaskan syariat, bijak mengurus emosi diri sendiri, berkemahiran dalam membezakan perkara baik dan buruk, menyasarkan bentuk bantuan yang memberikan manfaat kepada OKU, kritis dalam menyelesaikan masalah, berkemahiran dalam mengendalikan tingkah laku OKU, kreatif dalam menyampaikan ilmu kepada OKU, kritis dalam membuat keputusan, kritis dalam membuat pilihan, kreatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar, berkemahiran dalam pengurusan program dan akhir sekali elemen mempunyai kompetensi dalam mengajar sepertimana firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 43 dan 44 :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَمَسْئَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ۗ بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ ۗ وَاَنْزَلْنَا اِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ اِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُوْنَ ۗ

Maksud: “Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui (43). (Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi

*peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya (44).”*

Kesemua elemen dalam dimensi kemahiran ini dapat membantu sukarelawan berkemahiran dalam menyantuni komuniti OKU dengan baik seterusnya memberikan impak yang positif dalam konteks indahnyanya hidup beragama kepada mereka (Saqinah & Noremy Md Akhir, 2020). Justeru, berdasarkan hasil dapatan dan penyelidikan kajian-kajian lepas sememangnya dimensi kemahiran perlu dijadikan salah satu daripada asas-asas dalam pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU.

#### **5.4 IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil perbincangan dapatan kajian ini menghasilkan beberapa implikasi terhadap pembangunan sukarelawan, penambahbaikan polisi dan dasar agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dan JAKIM, juga implikasi terhadap komuniti OKU serta implikasi kepada pelajaran Pendidikan Islam.

##### **5.4.1 Implikasi Terhadap Sukarelawan**

Implikasi kepada sukarelawan adalah merupakan salah satu matlamat utama kajian ini dalam memastikan pembentukan sukarelawan dakwah bagi OKU yang berkemahiran dari segi ilmunya dan kuat rohaniannya dapat direalisasikan. Kajian ini berupaya dijadikan panduan dan rujukan dalam pembentukan sukarelawan dakwah bagi OKU. Sukarelawan merupakan aset yang paling penting dalam menghubungkan antara ilmu pengetahuan dan komuniti OKU. Peranan sukarelawan sama seperti guru maka seharusnya sukarelawan yang berkecimpung dalam dunia dakwah bagi OKU perlu memastikan dirinya mempunyai ciri-ciri sukarelawan yang dirangka dalam kajian ini. Justeru, penyelidik berharap kajian ini dapat disampaikan kepada sukarelawan-sukarelawan yang ingin menabur budi kepada komuniti OKU dalam menyebarkan ajaran Islam dengan sebaiknya.

#### **5.4.2 Implikasi Terhadap Agensi Kerajaan**

Implikasi yang seterusnya adalah implikasi terhadap agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Dengan berpandukan hasil kajian ini penyelidik berharap agar pihak agensi kerajaan berusaha untuk menghasilkan modul khusus sukarelawan dakwah bagi OKU. Selain itu, diharapkan juga pihak agensi dapat menjalankan latihan pembangunan pendakwah yang terlatih sama ada daripada kalangan komuniti tipikal atau OKU bagi membantu program pembangunan OKU. Hal ini juga boleh dibantu oleh agensi lain seperti bahagian-bahagian Pendidikan Guru (BPG) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang boleh merangka kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran sukarelawan. Natiujahnya, komuniti OKU akan mencapai tahap Pendidikan yang setaraf dengan golongan tipikal sekaligus mengelakkan mereka ketinggalan dalam pelajaran Pendidikan Islam khususnya bagi pembelajaran Quran dan Ibadah.

#### **5.4.3 Implikasi kepada Komuniti OKU**

Implikasi kepada komuniti OKU juga diberi perhatian oleh penyelidik. Hal ini kerana komuniti OKU merupakan tujahan ataupun sasaran dakwah dalam konteks sukarelawan dakwah bagi OKU. Dengan ciri-ciri sukarelawan yang dirangka dalam kajian ini, pastinya yang mendapat manfaat adalah komuniti OKU. Peningkatan kefahaman dan penghayatan Pendidikan Islam dalam kehidupan komuniti OKU sudah pasti dirasai mereka sekiranya dibimbing oleh sukarelawan yang berkemahiran dan kaedah penyampaian yang sesuai. Maka selari dengan peningkatan arus pembangunan negara dalam membantu komuniti OKU iaitu dengan memberi ruang dan peluang untuk mereka mempelajari agama Islam dengan sebaiknya. Hasil kajian ini juga berupaya memberi kesedaran kepada badan bukan kerajaan (NGO) atau lain-lain syarikat korporat untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan yang dapat dimanfaatkan oleh komuniti OKU dalam melaksanakan program-program dakwah OKU. Secara tidak langsung kajian ini turut menyumbang kepada penambahbaikan dalam pendidikan Islam komuniti OKU agar mereka juga mengamalkan ajaran agama dengan sebaiknya.

#### **5.4.4 Implikasi kepada Pendidikan Islam**

Selain itu, implikasi yang didapati penyelidik dalam kajian ini adalah transformasi serta perkembangan kaedah dan metod penyampaian Pendidikan Islam kepada komuniti OKU. Selaras dengan ini, kurikulum Pendidikan Islam juga memerlukan kepada perubahan bagi memenuhi keperluan pembangunan OKU supaya memiliki kualiti dalam pembelajaran dan pemahaman isi kandung al-Quran dan ibadah-ibadah lain. Wawasan Pendidikan Islam juga menekankan pendidikan yang universal atau menyeluruh terdiri dari akidah, ibadah dan akhlak. Oleh yang demikian, komuniti OKU tidak terkecuali dari mendapat peluang beragama sama sepertimana golongan tipikal. Implikasi daripada kajian ini akan menatijahkan perlunya kepada pembudayaan ilmu pengetahuan Pendidikan Islam tentang cara pengajaran dan penyampaian yang khusus bagi OKU dalam kalangan sukarelawan yang berkhidmat menyantuni OKU. Secara tidak langsung kajian ini dapat memenuhi hasrat kerajaan bagi melahirkan masyarakat madani iaitu masyarakat yang dilahirkan dari satu sistem sosial yang subur diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara individu dan masyarakat. Oleh itu, ia akan menaikkan mutu dan kualiti Pendidikan Islam dengan adanya sukarelawan-sukarelawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk memberi pendidikan yang terbaik kepada OKU.

#### **5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian ini merupakan kajian keperluan dan reka bentuk dan pembangunan untuk mengkaji keperluan sukarelawan dakwah bagi OKU seterusnya pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Oleh itu, kajian lanjutan yang lebih signifikan dan menyeluruh boleh dilakukan bagi memperolehi dapatan kajian yang lebih mendalam. Antara cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan ialah:

i. Kajian ini hanya melibatkan enam orang sukarelawan yang diambil dari populasi untuk mewakili organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung dalam dunia dakwah bagi OKU. Oleh yang demikian, kajian lanjutan yang melibatkan mahasiswa mahasiswi Pengajian Islam dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat dilakukan supaya kajian menjadi lebih meluas serta dapat membantu generasi akan datang dalam menyantuni dan berkhidmat kepada komuniti OKU.

ii. Kajian lanjutan berhubung dengan dakwah yang lebih khusus yang berteraskan Pendidikan Islam juga perlu dikaji bagi mengenal pasti keberkesanan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang paling sesuai bagi penyampaian dakwah yang berkesan kepada komuniti OKU. Kajian terhadap keseluruhan bidang yang terdapat pada Pendidikan Islam yang lebih khusus seperti akidah, fiqh dan akhlak ini perlu dilakukan agar dapat dimanfaatkan oleh para sukarelawan dan pendidik dalam memberikan lebih banyak ruang dan peluang kepada komuniti OKU untuk merasai indahnyanya hidup beragama.

iii. Kajian ini juga mendapati hal berkaitan kebajikan individu-individu yang terlibat sebagai sukarelawan sebagai maklumat tambahan dan penyelidik tidak memfokuskan kepada kebajikan keberlangsungan sukarelawan. Oleh itu, dicadangkan untuk kajian seterusnya dilakukan secara kualitatif melalui pemerhatian terhadap polisi dan kebajikan yang lebih menarik dan signifikan untuk sukarelawan dakwah bagi OKU dalam memastikan keberlangsungan dan usaha mendekatkan komuniti OKU dengan agama Islam dapat diteruskan pada masa akan datang.

iv. Seterusnya penyelidik mencadangkan supaya dijalankan kajian lanjutan berkaitan latihan sukarelawan dakwah bagi OKU. Oleh kerana penyelidik hanya memfokuskan kepada ciri sukarelawan dakwah bagi OKU maka seharusnya kajian selepas ini adalah berkaitan latihan-latihan yang dapat meningkatkan kebolehapasaran dan kefungsiannya sukarelawan dakwah bagi OKU dalam menyantuni komuniti OKU. Setelah melalui latihan, diharapkan peranan sukarelawan menjadi lebih signifikan dalam mempengaruhi keberkesanan dan kualiti bahan bantu mengajar yang dibina dalam merancang persediaan mengajar. Di samping itu, ini akan menjadikan sukarelawan lebih bersifat fleksibel dan mempunyai ketabahan, kesabaran dan kegigihan dalam persediaan bahan bantu mengajar. Oleh yang demikian, komuniti OKU akan mendapat manfaat yang sebaiknya kesan daripada sukarelawan dakwah bagi OKU yang berkualiti dan berpotensi.

## 5.6 KESIMPULAN

Pembangunan ke arah melahirkan sukarelawan dakwah OKU yang berjiwa insani dan sejati dalam pendidikan Islam, bukanlah satu tugas yang mudah dan diambil ringan. Pembinaan ini merupakan usaha positif yang memerlukan kerjasama dan komitmen semua anggota masyarakat sama penggubal polisi, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ibubapa mahupun komuniti OKU. Setiap orang mempunyai peranan dalam mekanisme untuk menentukan keberkesanan sistem sokongan yang akan dibangunkan ini. Sudah tentu sukarelawan dakwah OKU memerlukan kaedah dan latihan yang khusus untuk menyantuni komuniti OKU di samping pengetahuan mendalam dalam Pendidikan Islam juga dititipberatkan dalam setiap sukarelawan. Latihan sukarelawan dan kaedah yang sesuai dengan objektif pengajaran akan menghasilkan pengajaran yang efektif. Oleh itu, pembinaan kerangka ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi ini menjadi salah satu usaha mengatasi kekangan-kekangan yang ada dalam menyantuni OKU untuk hidup beragama. Sukarelawan dakwah OKU yang dilahirkan daripada intipati kalam Nabi Muhammad ﷺ akan memberi pengaruh besar terhadap atmosfera yang baru kepada komuniti OKU dan sistem sokongan yang bakal menjadi panduan kepada generasi akan datang dalam mengekalkan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan harmoni.